



## **DOKUMEN SEBUTHARGA**

**MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH  
DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN) 40 UNIT  
IPCCTV, 4 UNIT LPR CAMERA, 10 UNIT PTZ CAMERA DAN  
PERKHIDMATAN BERKAITAN DI UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)  
BESTARI JAYA**

**NO. RUJUKAN SEBUTHARGA: UNISEL/ICT/05-2018  
(Perkakasan dan Rangkaian)**

**UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)**  
Kampus Shah Alam, Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam,  
Selangor.

PENGENALAN SEBUTHARGA  
KENYATAAN SEBUTHARGA

**BAHAGIAN I: ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA  
PENYEBUTHARGA**

1	Arahan Am	8
2	Bidang Kerja Penyebut Harga	8
3	Keperluan Kelayakan Penyebut Harga	8
4	Borang Sebutharga	9
5	Penyerahan Sebutharga	9
6	Kos Sebutharga	10
7	Harga dan Tempoh Sah Laku	11
8	Hak UNISEL untuk menerima atau menolak sebahagian atau semua Sebutharga	11
9	Perjanjian Kontrak	11
10	Bon Pelaksanaan	12
11	Penerimaan Sebutharga	12
12	Peralatan Sampingan	13
13	Tempoh Pembekalan dan Pemasangan Peralatan	13
14	Jadual Pelaksanaan	13
15	Tempoh Jaminan	13
16	Maklumat dan Pengalaman Syarikat	13
17	Khidmat Sokongan dan Penyenggaraan	14
18	Penerimaan Sementara	15
19	Penerimaan Akhir	15
20	Jadual Bayaran	16
21	Penentuan Teknikal	16
22	Tempoh Kontrak	17

**BAHAGIAN II: KEPERLUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL**

1	Pengenalan	30
2	Perkakasan dan Rangkaian	30
3	Lokasi Pemasangan	44
4	Manual dan Dokumentasi	50
5	Sokongan dan Penyenggaraan	50

### **BAHAGIAN III: FORMAT MAKLUMBALAS**

### **BAHAGIAN IV: BORANG SEBUTHARGA**

BORANG 1	Borang Akuan Sebutharga	55
BORANG 2	Jadual Harga	57
BORANG 3	Borang Sebutharga	58
BORANG 4	Borang Sebutharga Penentuan Teknikal (Keperluan Spesifikasi Minima)	61
BORANG 5	Borang Jaminan Bank Bon Pelaksanaan	94

### **BAHAGIAN V : DRAF PERJANJIAN JUAL BELI PERKAKASAN DAN RANGKAIAN**

## **PENGENALAN SEBUTHARGA**

### **MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN) 40 UNIT IPCCTV, 4 UNIT LPR CAMERA, 10 UNIT PTZ CAMERA DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN DI UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL) BESTARI JAYA**

#### **PERINGATAN:**

1. Penyebut harga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebut harga sebelum mengemukakan tawaran.
2. Pastikan dokumen Sebutharga adalah lengkap di kesemua muka surat. Sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk mendapatkan penjelasan daripada Unit Perolehan, Pejabat Kewangan UNISEL.
3. Tawaran ini tertakluk kepada penentuan (spesifikasi) dan syarat-syarat yang tercatat di dokumen ini. Penyebut Harga adalah diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai Sebutharga ini. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan Sebutharga berkenaan tidak dipertimbangkan atau **DITOLAK**.

## **KENYATAAN SEBUTHARGA**

### **1. PELAWAAN SEBUTHARGA**

1.1 Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA di bawah pecahan kod bidang **210101, 210102, 210103, 210104, 210105** atau **210106** yang masih belum tamat tempoh bagi **MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN) 40 UNIT IPCCTV, 4 UNIT LPR CAMERA, 10 UNIT PTZ CAMERA DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN DI UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL) BESTARI JAYA**

### **2. DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN**

2.1 Sijil Pendaftaran Asal daripada Kementerian Kewangan hendaklah disertakan semasa penghantaran Sebutharga bersama-sama satu (1) salinan fotostat untuk simpanan UNISEL.

2.2 Tempoh sah laku tawaran dan tempoh siap projek.

### **3. TARIKH TUTUP SEBUTHARGA**

Dokumen Sebutharga hendaklah diserahkan dan dimasukkan ke dalam peti Sebutharga di **Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Selangor, Kampus Shah Alam, Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor SEBELUM/PADA 07 DISEMBER 2018 JAM 12.00 TENGAHARI.**

# **BAHAGIAN 1**

---

## **Arahan dan Syarat-Syarat Kepada Penyebut Harga**

## **BAHAGIAN I**

### **ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUTHARGA**

UNIVERSITI SELANGOR  
KAMPUS SHAH ALAM  
JALAN ZIRKON A 7/A, SEKSYEN 7  
40000 SHAH ALAM, SELANGOR.

Kepada Penyebut Harga

Tuan/Puan;

#### **SEBUTHARGA**

**MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN  
MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN) 40 UNIT IPCCTV, 4 UNIT LPR CAMERA,  
10 UNIT PTZ CAMERA DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN DI UNIVERSITI SELANGOR  
(UNISEL) BESTARI JAYA**

Nombor Rujukan Sebutharga UNISEL/ICT/05-2018 (Perkakasan dan Rangkaian)

## **1.0 ARAHAN AM**

- 1.1 Sebutharga adalah dipelawa dari pembekal-pembekal untuk membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah dan menyelenggara dalam tempoh jaminan peralatan komputer dan rangkaian komputer di Universiti Selangor (UNISEL).
- 1.2 Penyebut harga yang dijemput adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan yang terdapat dalam dokumen ini. Arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. Penyebutharga yang tidak mengikut syarat-syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.

## **2.0 BIDANG KERJA PENYEBUT HARGA**

- 2.1 Membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah serta menyelenggara sehingga tamat tempoh jaminan perkakasan dan rangkaian komputer seperti yang telah ditetapkan dalam dokumen ini.
- 2.2 Menyediakan latihan kepada pegawai/warga kerja UNISEL dalam penggunaan dan pengurusan sistem perkakasan dan rangkaian komputer.
- 2.3 Menyediakan segala keperluan Sebutharga seperti maklumat profil syarikat, keperluan teknikal, jadual lengkap pelaksanaan dan perancangan bagi semua aktiviti yang berkaitan pembekalan dan memastikan penjadualan dilaksanakan dengan berkesan.

## **3.0 KEPERLUAN KELAYAKAN PENYEBUT HARGA**

- 3.1 Sebutharga adalah dipelawa kepada semua Penyebuthargaa yang berdaftar sebagai kontraktor Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **210101, 210102, 210103, 210104, 210105** atau **210106**.
- 3.2 Sebutharga adalah dikehendaki melampirkan **salinan sijil yang disahkan (Pegawai Kerajaan)** bagi **Akuan Pendaftaran Kontraktor dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang yang berkaitan.



- 3.3 Sebutharga mestilah berdaftar dengan UNISEL sebagai kontraktor UNISEL.
- 3.4 Tempoh sah laku tawaran dan tempoh siap kerja mestilah dinyatakan.
- 3.5 Penyebutharga utama mestilah merupakan agen yang diiktiraf/orang tengah bagi pembekal utama.
- 3.6 UNISEL berhak tidak mempertimbangkan atau menolak tawaran Penyebutharga sekiranya tidak mematuhi keperluan mana-mana para 3.1 hingga 3.4.

#### **4.0 BORANG SEBUTHARGA**

- 4.1 Penyebut harga adalah bertanggungjawab untuk meneliti semua arahan, jadual, terma, spesifikasi dan maklumat-maklumat lain yang tertera dalam Dokumen Sebutharga. Kegagalan untuk mengemukakan semua maklumat sepertimana yang dikehendaki boleh mengakibatkan tawaran Sebutharga tidak dipertimbangkan.
- 4.2 Sebutharga hendaklah dikemukakan mengikut format Borang Sebutharga seperti yang dibekalkan. Sebutharga-Sebutharga yang tidak dikemukakan seperti format borang Sebutharga yang berkenaan tidak akan diterima. Walaubagaimanapun; Penyebutharga boleh mengemukakan borang sokongan atau dokumen tambahan untuk memberi penerangan-penerangan.
- 4.3 Adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk meneliti Dokumen Sebutharga termasuk semua jadual, borang, terma perjanjian dan spesifikasi teknikal. Kegagalan untuk mengemukakan semua maklumat yang dikehendaki atau tawaran Sebutharga yang tidak responsif dan menepati terma dan syarat Sebutharga boleh mengakibatkan tawaran tersebut tidak dipertimbangkan.
- 4.4 Pembayaran untuk dokumen tersebut boleh dibuat ketika mengambil Tawaran Sebutharga di UNISEL.

#### **5.0 PENYERAHAN SEBUTHARGA**

- 5.1 Sebutharga hendaklah dikemukakan dalam dua (2) dokumen berasingan dengan sampul surat berlakri (sealed) 'A' dan 'B' serta ditandakan.

## **“SEBUTHARGA PERKAKASAN DAN RANGKAIAN UNISEL/ICT/05-2018”**

5.1.1 Sampul surat (A) adalah “**Dokumen Tawaran Kewangan**”.

5.1.2 Sampul surat (B) adalah “**Dokumen Tawaran Teknikal**”.

dipenjuru kiri sampul surat.

5.2 Sebutharga hendaklah dialamatkan kepada:-

**PRESIDEN & NAIB CANSOLOR  
(PETI TAWARAN SEBUTHARGA)  
PEJABAT KEWANGAN  
UNIVERSITI SELANGOR  
KAMPUS SHAH ALAM, JALAN ZIRKON A 7/A,  
SEKSYEN 7, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR.**

5.3 UNISEL tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan borang-borang penyertaan Sebutharga akibat kesilapan alamat yang dihantar secara pos atau melalui serahan tangan.

### **6.0 KOS PENYERTAAN SEBUTHARGA**

6.1 Kos penyertaan Sebutharga dan penyediaan dokumen Sebutharga adalah **ditanggung** sendiri oleh Penyebutharga. UNISEL tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua kos yang terlibat.

### **7.0 KERAHSIAAN**

7.1 Dokumen Sebutharga ini adalah SULIT dan Penyebut harga adalah diminta untuk mematuhi syarat ini.

7.2 Dokumen Sebutharga ini adalah hak milik UNISEL dan tidak boleh diterbitkan semula, disalin atau dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis daripada UNISEL. Sebarang percetakan/pengiklanan/penerbitan dalam mana-mana sumber adalah dilarang sama sekali melainkan memperolehi kelulusan bertulis daripada UNISEL.

## **8.0 IKLAN DAN PUBLISITI**

- 8.1 Tiada maklumat berkenaan Sebutharga dan kontrak boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah dihantar kepada dan diluluskan oleh UNISEL terlebih dahulu.

## **9.0 HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU**

- 9.1 Semua harga mestilah di dalam RINGGIT MALAYSIA (termasuk semua cukai yang terlibat, jika ada) bagi setiap item dan berdasarkan kepada format yang disediakan. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga (termasuk penghantaran, pemasangan dan lain-lain tugas).
- 9.2 Harga yang disebutkan dalam Sebutharga hendaklah sah laku di dalam tempoh tidak kurang dari satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh tutup Sebutharga.
- 9.3 UNISEL akan meminta Penyebut Harga untuk menyambung tempoh pengesahan Sebutharga tersebut sekiranya diperlukan. Permintaan ini dan maklumbalasnya mestilah dibuat secara bertulis.
- 9.4 Penyebut Harga yang bersetuju dengan permintaan ini tidak akan dikehendaki atau dibenarkan mengubahsuai Sebutharga tetapi dikehendaki untuk melanjutkan tempoh pengesahan Sebutharga.

## **10.0 UNISEL BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUTHARGA**

- 10.1 UNISEL tidak terikat untuk menerima tawaran Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga yang diterima.
- 10.2 UNISEL juga berhak untuk menerima sebahagian atau keseluruhan cadangan dalam tawaran Sebutharga.
- 10.3 Keputusan UNISEL adalah muktamad dan UNISEL tidak akan perlu memberi apa-apa alasan bagi sebarang penolakan mana-mana Sebutharga.

## 11.0 PERJANJIAN KONTRAK

- 11.1 Penyebut Harga yang berjaya adalah dikehendaki mengikat perjanjian kontrak dengan UNISEL bagi membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah dan menyelenggara (dalam tempoh jaminan) perkakasan dan rangkaian komputer. Klausula penalti akan diletakkan dalam kontrak untuk memastikan syarat-syarat kontrak dan rangkaian komputer dilaksanakan dengan baik seperti keperluan. Penangguhan menggunakan kontrak perjanjian, penerimaan bertulis UNISEL disertai dengan tawaran penyebut harga beserta pemberitahuan pembekal berjaya akan mengikat kontrak di antara UNISEL dengan pembekal berjaya. Ini tanpa mengambilkira perjanjian kontrak telah atau tidak disediakan dan dilaksanakan.
- 11.2 Penyebut Harga yang berjaya mesti menanggung sendiri risiko berkenaan kontrak mengikut syarat-syarat, spesifikasi dan jadual yang menjadi sebahagian daripadanya. Pembekal yang berjaya juga mesti mematuhi peraturan atau melalui undang-undang dan keperluan kerajaan/pihak berwajib yang berkaitan.

## 12.0 BON PELAKSANAAN

- 12.1 Sebelum sesuatu kontrak bekalan yang melebihi nilai RM50,000.00 tetapi tidak melebihi RM500,000.00 disempurnakan, penyebut harga atau pembekal yang berjaya adalah dikehendaki memberi bon pelaksanaan 2.5% dari jumlah harga kontrak. Bagi kontrak yang melebihi RM500,000.00 jumlah bon pelaksanaan ialah 5% daripada jumlah harga kontrak.
- 12.2 Bon pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank dari bank berdaftar di Malaysia yang diluluskan. Bon pelaksanaan hendaklah sah laku tidak kurang daripada **dua belas (12) bulan** selepas tarikh tamat tempoh kontrak dan pembekalan peralatan yang terakhir dengan syarat semua peralatan berkaitan berkeadaan baik dan memuaskan.
- 12.3 Penyebut Harga yang berjaya dan telah mengikat kontrak dengan UNISEL dikehendaki membayar tuntutan ganti rugi sekiranya didapati pihak Penyebut Harga tersebut melanggar syarat-syarat kontrak dan disabitkan kesalahan.

### **13.0 PENERIMAAN SEBUTHARGA**

13.1 UNISEL akan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga yang berjaya apabila Sebutharga disetujuterima. Notis ini boleh mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini dan sekiranya demikian Sebutharga ini tidaklah boleh dipertimbangkan sehingga syarat tambahan ini dipersetujui oleh Penyebut Harga yang berjaya.

### **14.0 PERALATAN SAMPINGAN**

14.1 Penyebut Harga boleh mencadangkan peralatan dan aksesori tambahan yang boleh digunakan dalam perkakasan yang ditawarkan bagi menyempurnakan konfigurasi sistem atau yang dicadangkan atau memberikan penyelesaian menyeluruh. Item ini mesti dinilai dengan harga yang berasingan. Bagaimanapun, UNISEL berhak untuk mencadangkan sama ada aksesori tambahan ini perlu dibeli dan melihat pula kepada keperluan yang berkaitan.

### **15.0 TEMPOH PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN PERALATAN**

15.1 Peserta Sebutharga adalah dikehendaki menyempurnakan pembekalan, pemasangan, konfigurasi dan pengujian sistem (**tempoh siap kerja**) dalam tempoh **lapan (8) minggu** daripada tarikh setuju terima tawaran.

15.2 Ini termasuk:-

- a) Pemasangan dan pelaksanaan hendaklah **tidak melebihi empat (4) minggu** daripada tarikh setuju terima yang akan melibatkan aktiviti instalasi dan konfigurasi perkakasan serta rangkaian berkaitan.
- b) Pengujian sementara dalam masa **dua (2) minggu**.
- c) Pengujian akhir dalam masa **dua (2) minggu**.

## **16.0 JADUAL PELAKSANAAN**

16.1 Penyebut Harga dikehendaki menyediakan satu Jadual Pelaksanaan Pembekalan peralatan yang terperinci dan lengkap bagi tujuan penghantaran, pemasangan, pengujian dan pentauliahan bagi peralatan yang dicadangkan kepada UNISEL.

## **17.0 TEMPOH JAMINAN**

17.1 Perkakasan dan peralatan yang ditawarkan hendaklah dilitupi dengan tempoh jaminan **tidak kurang** daripada **tiga (3) bulan** daripada tarikh penerimaan akhir.

17.2 Dalam tempoh jaminan ini semua khidmat baikpulih, penyenggaraan, penggantian peralatan yang rosak dan kos buruh **hendaklah diberi secara percuma**.

## **18.0 MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT**

18.1 Penyebut Harga perlu menyediakan maklumat mengenai syarikat.

18.2 Penyebut Harga perlu menyatakan pengalaman syarikat dalam mengendalikan projek-projek seumpamanya dengan mengemukakan latar belakang projek, nama-nama dan alamat syarikat atau agensi projek tersebut dilaksanakan. Nyatakan tarikh projek tersebut selesai dan tarikh sebenar projek tersebut sepatutnya diselesaikan. Sila nyatakan projek-projek yang masih dikendalikan dan tarikh projek tersebut dijadualkan tamat.

## **19.0 KHIDMAT SOKONGAN DAN PENYENGGARAAN**

19.1 Sebarang kerosakan kepada perkakasan dan rangkaian semasa tempoh jaminan hendaklah ditanggung oleh pihak pembekal daripada segi peralatan, perkhidmatan, pertukaran, kewangan dan lain-lain yang bersangkutan. Alat ganti sementara (*on-loan item*) perkakasan yang rosak, hendaklah disediakan sehingga perkakasan dibaiki atau diganti.

19.2 Semasa dalam tempoh jaminan, jika berlaku kerosakan kepada perkakasan atau rangkaian, pembekal yang berjaya hendaklah memberi maklumbalas dalam tempoh **tidak melebihi tiga (3) jam dari masa menerima laporan daripada**

**UNISEL.** Tempoh yang diambil untuk membaiki kerosakan hendaklah tidak melebihi tempoh **dua puluh empat (24) jam**. Jika kerosakan tidak dapat dibaiki dalam tempoh berkenaan, penggantian peralatan hendaklah dilaksanakan atau menyediakan alat ganti sementara (*on-loan item*) agar pengguna tidak menghadapi masalah atas kekurangan peralatan tersebut.

- 19.3 Sokongan peringkat pertama adalah daripada pembekal dan peringkat kedua daripada pihak pengilang/pembekal asal.
- 19.4 Jika diperlukan, pembekal adalah dikehendaki menyediakan dan memberikan khidmat penyenggaraan dan sokongan selepas tamat tempoh jaminan dengan pihak UNISEL berasaskan suatu perjanjian penyenggaraan yang akan ditentukan kemudian. Walaubagaimanapun UNISEL mempunyai hak untuk memilih sebarang pembekal lain untuk memberikan khidmat penyenggaraan.
- 19.5 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan maklumat terperinci sebagaimana maklumbalas yang berkenaan mengenai penyenggaraan dan perkhidmatan sokongan terlibat untuk kegunaan penilaian oleh UNISEL.

## **20.0 PENERIMAAN SEMENTARA**

- 20.1 Penyebut Harga dikehendaki membenarkan UNISEL menjalani ujian ke atas peralatan yang dibekalkan untuk tempoh **lima belas (15) hari** dari tarikh siap pemasangan. UNISEL akan memaklumkan secara bertulis tarikh **penerimaan sementara** sekiranya peralatan tersebut berfungsi dengan sepenuhnya dan sistem *downtime* tidak melebihi 5%. Sistem *downtime* bermaksud tempoh apabila peralatan tidak dapat berfungsi kerana sistem *breakdown*.
- 20.2 UNISEL mempunyai hak untuk melanjutkan tempoh ujian bagi **penerimaan sementara** sekiranya terdapat sebarang peralatan yang tidak berfungsi kerana kesilapan/kelemahan dalam pemasangan, mutu kerja (*workmanship*) atau kecacatan pada peralatan.

## 21.0 PENERIMAAN AKHIR

- 21.1 UNISEL akan menggunakan peralatan yang dipasang untuk tempoh **lima belas (15) hari** dari tarikh **penerimaan sementara**. Dalam tempoh tersebut, pembekal bertanggungjawab membetulkan sebarang kelemahan yang dikesan. UNISEL akan memaklumkan secara bertulis tarikh **penerimaan akhir** sekiranya dalam tempoh berkenaan peralatan tersebut berfungsi dengan sepenuhnya dengan sistem *downtime* tidak melebihi 1%.
- 21.2 Sekiranya peralatan tersebut gagal memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki walaupun kerja-kerja pembaikan telah dijalankan oleh pembekal dalam tempoh yang telah dinyatakan, UNISEL berhak mendapatkan gantian. Sekiranya peralatan tersebut perlu diganti dengan yang lain, pihak penyebut harga hendaklah menanggung segala kos yang terlibat.
- 21.3 UNISEL mempunyai hak untuk melanjutkan tempoh ujian bagi **penerimaan sementara** sekiranya terdapat sebarang peralatan yang tidak berfungsi kerana kesilapan/kelemahan dalam pemasangan, mutu kerja (*workmanship*) atau kecacatan pada peralatan.

## 22.0 JADUAL BAYARAN

- 22.1 Penyebut harga yang berjaya akan ditawarkan harga kontrak mengikut peratusan berdasarkan kepada jadual seperti dibawah:-
- i. Semasa pemasangan perkakasan : 60% daripada harga kontrak dan rangkaian
  - ii. Semasa penerimaan sementara : 20% daripada harga kontrak
  - iii. Semasa penerimaan akhir : 20% daripada harga kontrak
- 22.2 Pembayaran untuk setiap fasa tidak akan dikeluarkan sehingga fasa sebelumnya disempurnakan dan diluluskan oleh UNISEL.

## 23.0 PENENTUAN TEKNIKAL

- 23.1 Penentuan teknikal yang perlu dibekalkan hendaklah **memenuhi spesifikasi keperluan minima** pada **Bahagian II**.



23.2 Penyebut Harga adalah dikehendaki menyatakan keterangan terperinci spesifikasi teknikal yang dicadangkan dan maklumbalas yang perlu dikepilkan bersama dokumen sebutharga.

23.3 **Penyebut Harga tidak dibenarkan memuat tawaran pilihan bagi mana-mana butiran yang dimasuki bagi Sebutharga ini.**

23.4 UNISEL tidak akan melayan sebarang tuntutan bagi bayaran tambahan harga akibat perbezaan antara tafsiran Penyebut Harga dengan tafsiran UNISEL mengenai penentuan tersebut.

#### **24.0 TEMPOH KONTRAK**

24.1 Tempoh kontrak adalah bermula daripada tarikh setuju terima sehingga tamat jaminan penyenggaraan.

# **BAHAGIAN 11**

---

## **Keperluan Spesifikasi Teknikal**

## **BAHAGIAN II**

### **KEPERLUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL**

#### **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Universiti Selangor adalah sebuah Universiti milik kerajaan negeri yang menawarkan peluang dalam bidang pendidikan dari bidang teknikal seperti Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Sains Kesihatan dan Bioteknologi, Perniagaan dan Komunikasi. Setiapnya menyediakan lebih banyak peluang untuk lebih ramai menjadi pakar dan cemerlang dalam dunia pekerjaan.
- 1.2 UNISEL beroperasi di dua (2) kampus iaitu Kampus Shah Alam dan Kampus Bestari Jaya.
- 1.3 Bagi menjadikan UNISEL satu Universiti yang sentiasa berteknologi dan mantap; penggunaan komputer telah bertambah dan pembelian ini adalah bertujuan untuk menampung kehendak penggunaan komputer yang semakin meningkat.

#### **2.0 PERKAKASAN DAN RANGKAIAN**

- 2.1 Penyebut Harga dikehendaki mencadangkan perkakasan dan rangkaian berdasarkan spesifikasi minima teknikal yang diperlukan seperti:-  
**BORANG 4 – SOAL SELIDIK PENENTUAN TEKNIKAL**
- 2.2 Sebutharga bertanggungjawab untuk memastikan kesesuaian antara perkakasan dan rangkaian menyeluruh tanpa tambahan kos tersembunyi. Jadual perkakasan yang dinyatakan adalah sebagai panduan ke atas keperluan minimum UNISEL.
- 2.3 Kerja-kerja adalah termasuk pembekalan, penghantaran, pemasangan, konfigurasi, pengujian dan penyenggaraan semasa tempoh jaminan perkakasan dan rangkaian komputer seperti di para 2.1.

### **3.0 LOKASI PEMASANGAN**

3.1 Lokasi penghantaran, pemasangan dan pengujian adalah seperti berikut:

**UNIVERSITI SELANGOR  
KAMPUS BESTARI JAYA  
JALAN TIMUR TAMBAHAN  
45600 BESTARI JAYA  
SELANGOR.**

### **4.0 MANUAL DAN DOKUMENTASI**

4.1 Penyebut Harga yang berjaya dikehendaki menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) salinan manual dan dokumentasi mengenai kegunaan operasi peralatan termasuk rangkaian yang dicadangkan untuk rujukan UNISEL dan pengguna semasa pengendalian dan penyenggaraan. Kesemua dokumen manual mestilah asli, lengkap dan dibukukan dengan kemas.

### **5.0 SOKONGAN DAN PENYENGGARAAN**

5.1 UNISEL memerlukan komitmen penuh daripada pembekal untuk memastikan kerja-kerja penyenggaraan berada di dalam persekitaran baik di samping membantu warga kerja UNISEL. Sokongan dan penyenggaraan hendaklah diberikan sehingga tamat tempoh jaminan selepas penerimaan akhir ke atas semua sistem perkakasan dan rangkaian yang dibekalkan.

5.2 Sebarang kerosakan kepada perkakasan dan rangkaian semasa tempoh jaminan hendaklah ditanggung oleh pihak pembekal daripada segi peralatan, perkhidmatan, pertukaran, kewangan dan lain-lain yang bersangkutan. Alat ganti sementara (*on-loan item*) perkakasan yang rosak hendaklah disediakan sehinggalah perkakasan dibaiki atau diganti.

5.3 Semasa dalam tempoh jaminan, jika berlaku kerosakan kepada perkakasan atau rangkaian, Penyebut Harga yang berjaya hendaklah memberi maklumbalas dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) jam dari masa menerima laporan daripada UNISEL. Tempoh yang diambil untuk membaiki kerosakan hendaklah tidak melebihi dua puluh empat (24) jam. Jika kerosakan tidak dapat dibaiki dalam tempoh berkenaan, penggantian peralatan hendaklah dilaksanakan atau

menyediakan *'on-loan item'* agar pengguna tidak menghadapi masalah atas kekurangan peralatan tersebut.

- 5.4 Sokongan peringkat pertama adalah daripada pembekal dan peringkat kedua daripada pihak pengilang.
- 5.5 Selepas tamat tempoh jaminan, Penyebut harga hendaklah bersetuju untuk menjalankan kontrak penyenggaraan jika dikehendaki oleh UNISEL.

# **BAHAGIAN 111**

---

**Format Maklumbalas**

## BAHAGIAN III

### FORMAT MAKLUMBALAS

Maklumat yang dikemukakan hendaklah merupakan maklumbalas berkaitan kepada Sebutharga ini. Jawapan dikehendaki disediakan secara spesifik bagi setiap bahagian yang diberi. Untuk bahagian yang tidak berkenaan sila catatkan dan nyatakan sebabnya. Maklumat tambahan yang dirasakan perlu hendaklah dikemukakan di bahagian yang berasingan dalam cadangan dengan rujukan bersesuaian.

Cadangan penyebut harga dikehendaki dihantar dalam format yang digariskan seperti di bawah:

#### DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN

1. Surat rasmi Penyebut Harga dengan keterangan mengenai nama, alamat email, nombor telefon dan nombor faksimili wakil-wakil unit akaun yang patut dihubungi berkaitan Sebutharga ini.
2. Salinan Sijil Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan.
3. **Borang 1** (Borang Akuan Sebutharga)
4. **Borang 2** (Jadual Harga). Penyebut Harga mesti menyatakan unit harga mengikut item dan jumlah Sebutharga bagi barangan dan perkhidmatan yang dicadangkan untuk dibekalkan.
5. **Borang 3** (Borang Soal Selidik) beserta Profil Syarikat.

#### DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL

1. Tempoh sah laku tawaran Sebutharga dan tempoh pelaksanaan.
2. Mengandungi satu atau lebih mukasurat yang menggariskan bahagian tawaran/cadangan dan bahagian kecil tawaran/cadangan.
3. **Borang 3** (Borang soal selidik).
4. **Borang 4** (Soal Selidik Penentuan Teknikal (Keperluan Spesifikasi Minima)).
5. Jadual Cadangan Pelaksanaan Kerja termasuk penyerahan dokumentasi.
6. Lain-lain keperluan yang dinyatakan dan maklumat tambahan seperti brosur.

# **BAHAGIAN IV**

---

## **Borang Sebutharga**



**BORANG AKUAN SEBUTHARGA**

Kepada :

UNIVERSITI SELANGOR  
KAMPUS SHAH ALAM  
JALAN ZIRKON A 7/A, SEKSYEN 7  
40000 SHAH ALAM, SELANGOR.

Tuan,

**NOMBOR RUJUKAN SEBUTHARGA: UNISEL/ICT/05-2018**

**MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN) 40 UNIT IPCCTV, 4 UNIT LPR CAMERA, 10 UNIT PTZ CAMERA DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN DI UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL) BESTARI JAYA**

Merujuk kepada iklan tuan berkenaan perkara di atas dan tertakluk kepada Arahan dan Syarat-syarat Kepada Penyebut Harga. Pihak yang bertandatangan di bawah menawarkan untuk membekal, menghantar, memasang, menguji, menyelenggara dalam tempoh jaminan dan mentauliah sepertimana sebahagian yang terkandung dalam kontrak, bersetuju dengan spesifikasi yang dinyatakan dan pelbagai kadar yang ditetapkan oleh pihak yang bertandatangan di bawah beserta senarai harga yang disertakan bersama Sebutharga.

Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk terikat seperti mana yang dinyatakan dalam Arahan dan Syarat-syarat Kepada Penyebut harga, spesifikasi dan jadual harga; dan bersetuju dengan harga berdasarkan kepada nilai barang secara individu yang dibekalkan dari semasa ke semasa.

Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk menyiapkan pembekalan, penghantaran, pemasangan, pengujian, penyenggaraan dalam tempoh jaminan, pentauliahan dan bekerja mengikut Arahan dan Syarat-syarat Kepada Penyebut harga yang diberikan termasuk tempoh siap kerja **maksimum lapan (8) minggu**.

Sebagaimana yang telah difahami, pihak tuan boleh menerima atau menolak Sebutharga kami sama ada ianya lebih tinggi atau lebih rendah dari Sebutharga lain atau sama. Sebutharga ini akan sentiasa sah selama **satu ratus dua puluh (120) hari** dari tarikh penyerahan Sebutharga.

Dan selanjutnya; pihak bertandatangan di bawah bersetuju sekiranya pihak tuan menerima Sebutharga ini untuk menyediakan pernyataan penerimaan deposit Bon Pelaksanaan sekiranya dipohon. Pihak bertandatangan di bawah pasti, selepas penelitian dokumen yang digunakan dalam Sebutharga ini adalah salinan asal seperti yang termasuk dalam cadangan Sebutharga.

Tandatangan Penyebut Harga : .....

Nama dan Alamat Syarikat : .....  
.....  
.....

Tarikh : .....

Tandatangan Saksi  
Kepada Penyebut Harga : .....

Nama dan Alamat Syarikat : .....  
.....  
.....

Tarikh : .....

**BORANG 2 – JADUAL HARGA****JADUAL HARGA**

<b>PERKARA</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARGA SEUNIT (RM)</b>	<b>HARGA (RM)</b>
<b>JUMLAH</b>			
<b>KOS SST (6%)</b>			
<b>JUMLAH KESELURUHAN TERMASUK SST (6 %)</b>			
<b>JUMLAH DALAM PERKATAAN : RINGGIT MALAYSIA</b>			



## **B. PENGALAMAN DAN KEUPAYAAN SYARIKAT**

1. Sila nyatakan dan sertakan kedudukan bilangan kakitangan teknikal, tahun pengalaman dan kelayakan.
2. Kerja dalam tangan atau projek yang masih dikendalikan yang melibatkan syarikat, jenis kerja, lokasi dan tarikh projek tersebut dijadualkan tamat. Ringkasan seperti jadual di bawah:

<b>Nama Syarikat/ Agensi serta Lokasi</b>	<b>Jenis Kerja/Skop Projek</b>	<b>Tarikh Dijadualkan Tamat</b>	<b>Nilai Projek (RM)</b>

3. Pengalaman dalam melaksanakan projek seumpamanya yang berkaitan pemasangan perkakasan dalam tiga (3) tahun yang lepas (sila buat ringkasan mengenai projek termasuk nilai, pelanggan untuk dihubungi dan alamat/telefon serta jangkamasa/tahun projek seperti di bawah:

4. Sila sertakan **Jadual dan Pelan Pelaksanaan terperinci serta lengkap** bagi tujuan penghantaran, pemasangan dan pengtauliahahan bagi peralatan yang dicadangkan kepada UNISEL.

<b>Nama Organisasi/rujukan pelanggan dan lokasi</b>	<b>Perkara/Skop Kerja</b>	<b>Tempoh Pelaksanaan</b>	<b>Nilai Projek (RM)</b>

**BORANG SEBUTHARGA**

NO. SEBUTHARGA : UNISEL/ICT/05-2018  
 TARIKH PELAWAAN : .....  
 TARIKH TUTUP : .....  
 TEMPOH SIAP : .....

**TAJUK KERJA : MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN) 40 UNIT IPCCTV, 4 UNIT LPR CAMERA, 10 UNIT PTZ CAMERA DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN DI UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL) BESTARI JAYA**

NO	SPECIFICATION REQUIREMENT	COMPLIANCE			MANDATORY EXPLANATION/RESPOND (No blanks allowed and do not write "Comply" as answer. Please include supporting documents to substantiate claims of compliance)
		FULL (Y)	PARTIAL (P)	NON (N)	
1.0	<b>SCOPE OF WORK</b>				
	<ul style="list-style-type: none"> <li>To supply 40 units of IPCCTV, 4 units of LPR camera, 10 units of PTZ Camera, software and related services</li> <li>To supply , installation, testing and commissioning high quality IPCCTV surveillance system along with power supply and required accessories in different blocks of UNISEL Campus as indicated in Sebutharga</li> </ul>				

NO	SPECIFICATION REQUIREMENT	COMPLIANCE			MANDATORY EXPLANATION/RESPOND (No blanks allowed and do not write "Comply" as answer. Please include supporting documents to substantiate claims of compliance)
		FULL (Y)	PARTIAL (P)	NON (N)	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>The entire system shall be per BOQ, drawings and technical specification enclosed with sebutarga documents</li> <li>The price quoted by the supplier should include all the expenses incurred in commissioning of all cameras with power supply, accessories and other devices complete with software</li> <li>The CCTV surveillance system should consist of IP network cameras, software, power supply and cables</li> <li>Video management software shall offer video stream management and video stream storage management.</li> <li>Cat 6 cable connectivity with all required hardware up to UNISEL networking switches of LAN, locations of networking in UNISEL campus as indicated in the list enclosed with this sebut harga documents</li> </ul>				



NO	SPECIFICATION REQUIREMENT	COMPLIANCE			MANDATORY EXPLANATION/RESPOND (No blanks allowed and do not write "Comply" as answer. Please include supporting documents to substantiate claims of compliance)
		FULL (Y)	PARTIAL (P)	NON (N)	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Compatible with the current existing networking system available at site.</li> <li>All cables must be laid in proper cable routing using industry standard materials such as PVC piping, metal trunking and/or under floor trunking. All openings for end must be constructed using proper material for the location such as wall outlet, etc. For ease of administration, management and cosmetic at the wiring closet, a proper arrangement of the various termination panels and active devices must be done, with the inclusion of proper cable management panel for better and proper cable arrangement.</li> <li>Must be able to operate with minimum reconfiguration with existing network and should not have significant bandwidth utilization impact on the existing network (not more than 25% increment from normal existing usage - vendor to provide prove of traffic utilization).</li> </ul>				

NO	SPECIFICATION REQUIREMENT	COMPLIANCE			MANDATORY EXPLANATION/RESPOND (No blanks allowed and do not write "Comply" as answer. Please include supporting documents to substantiate claims of compliance)
		FULL (Y)	PARTIAL (P)	NON (N)	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Vendor has to provide all the services and materials including cabling, power injector(if necessary) and accessories to complete the installation, configure, testing and commissioning security system</li> <li>Training &amp; handing over of all materials, equipment and appliances</li> </ul>				
2.0	<p><b><u>4MP WDR IR BULLET NETWORK DARKFIGHTER CAMERA - 40 UNITS.</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Model: DS-2CD2T45FWD</li> <li>Max. Image Resolution: 2688 × 1520@30 fps</li> <li>Image Sensor: 1/2.5" Progressive Scan CMOS</li> <li>Lens: 2.8/4/6/8/12 mm optional</li> <li>Min. Illumination: Color: 0.008 lux @ (F1.2, AGC ON), 0 lux with IR Color: 0.014 lux @ (F1.6, AGC ON), 0 lux with IR"</li> <li>Shutter Time: 1/3 s to 1/100,000 s, support slow shutter</li> <li>3-Axis Adjustment: Pan: 0° to 355° , tilt: 0° to 75°, rotate: 0° to 355°</li> <li>Day &amp; Night:IR Cut Filter</li> <li>Image Enhancement: BLC/3D DNR</li> </ul>				

NO	SPECIFICATION REQUIREMENT	COMPLIANCE			MANDATORY EXPLANATION/RESPOND (No blanks allowed and do not write "Comply" as answer. Please include supporting documents to substantiate claims of compliance)
		FULL (Y)	PARTIAL (P)	NON (N)	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Support WDR: 120dB</li> <li>• IR: Up to 90 m IR range</li> <li>• Video Compression: Three streams, all three streams must support H.265+/H.265/H.264</li> <li>• Smart Video Analysis:Face detection, Region of Interest, Line crossing detection, intrusion detection, object removal detection, unattended baggage detection, Scene change detection</li> <li>• Network Storage: Support Micro SD/SDHC/SDXC card (128G), local storage and NAS (NFS,SMB/CIFS), ANR (automatic network restore)</li> <li>• Protocols: TCP/IP, ICMP, HTTP, HTTPS, FTP, DHCP, DNS, DDNS, RTP, RTSP, RTCP, PPPoE, NTP, UPnP™, SMTP, SNMP, IGMP, 802.1X, QoS, IPv6, Bonjour</li> <li>• API: ONVIF (PROFILE S, PROFILE G), ISAPI</li> <li>• Protection Level: IP67</li> <li>• Power Supply: 12 VDC, PoE</li> <li>• Recording Type : trigger record, digital input trigger record</li> <li>• Video content analysis serach: face detection, behavior analysis, people counting , license plate recognition and heat map</li> <li>• Support Smart search for the selected area in the video; and smart playback to improve the playback efficiency</li> <li>• Audio &amp; Video Recording : Audio &amp; video recording in synchronization</li> </ul>				

NO	SPECIFICATION REQUIREMENT	COMPLIANCE			MANDATORY EXPLANATION/RESPOND (No blanks allowed and do not write "Comply" as answer. Please include supporting documents to substantiate claims of compliance)
		FULL (Y)	PARTIAL (P)	NON (N)	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Network interface: 4, RJ45 10M/100M/1000M self-adaptive Ethernet interface</li> <li>• Protocol: IPv6, HTTPS, UPnP, SNMP, NTP, SADP, SMTP, NFS, iSCSI, PPPoE, DDNS</li> <li>• Two-way audio input: 1-ch, RCA</li> <li>• Serial port: 1 RS-485, Keyboard</li> <li>• USB interface: Front Panel: 1 × USB 2.0; Rear Panel: 1 × USB 3.0</li> <li>• Alarm input/output:16/8</li> <li>• Supports redundant power supply</li> <li>• Support ANR</li> <li>• Auto Backup : Automatically backup the recorded video of the previous date to FTP</li> </ul>				
<b>3.0</b>	<p><b><u>2MP WDR IR BULET NETWORK FACE CAPTURE CAMERA - 4 UNITS.</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Model: DS-2CD7126G0-IZS</li> <li>• Max. Image Resolution: 1920 × 1080@60 fps</li> <li>• Image Sensor: 1/1.8" Progressive Scan CMOS</li> <li>• CS mount, Varifocus 2.8-12mm Min. Illumination: Color: 0.002 lux @ (F1.2, AGC ON), 0 lux with IR</li> <li>• Shutter Time: 1 s to 1/100,000 s, support slow shutter</li> <li>• 3-Axis Adjustment: Pan: 0° to 355° , tilt: 0° to 75°, rotate: 0° to 355°</li> <li>• DC Drive, auto-iris</li> <li>• Day &amp; Night:IR Cut Filter</li> <li>• Image Enhancement: BLC/3D DNR</li> </ul>				

NO	SPECIFICATION REQUIREMENT	COMPLIANCE			MANDATORY EXPLANATION/RESPOND (No blanks allowed and do not write "Comply" as answer. Please include supporting documents to substantiate claims of compliance)
		FULL (Y)	PARTIAL (P)	NON (N)	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Support WDR: 140dB</li> <li>• Video Compression: Three streams, all three streams must support H.265/H.264</li> <li>• Smart Video Analysis:Perimeter Protection Line crossing detection, intrusion detection, region entrance detection, region exiting detection, unattended baggage detection, object removal detection</li> <li>• Support license plate recognition and face capture function.</li> <li>• Network Storage: Support Micro SD/SDHC/SDXC card (256G), local storage and NAS (NFS,SMB/CIFS), ANR (automatic network restore)</li> <li>• Protocols: TCP/IP, ICMP, HTTP, HTTPS, FTP, DHCP, DNS, DDNS, RTP, RTSP, RTCP, PPPoE, NTP, UPnP™, SMTP, SNMP, IGMP, 802.1X, QoS, IPv6, Bonjour</li> <li>• API: ONVIF (PROFILE S, PROFILE G), ISAPI</li> <li>• Alarm in/out: 2/2</li> <li>• 1 RJ45 10M/100M/1000M Ethernet port</li> <li>• 1 RS-485 interface (half duplex, Pelco-P, Pelco-D, self-adaptive)"</li> <li>• Protection Level: IP67, IK10</li> <li>• Power Supply: 12 VDC, PoE</li> </ul>				

	SPECIFICATION REQUIREMENT	COMPLIANCE			MANDATORY EXPLANATION/RESPOND (No blanks allowed and do not write "Comply" as answer. Please include supporting documents to substantiate claims of compliance)
		FULL (Y)	PARTIAL (P)	NON (N)	
4.0	<p><b><u>FACE RECOGNITION NETWORK VIDEO RECORDER – 1 LOT</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Model: iDS-6704NXI-I/4F</li> <li>• Built GPU for face comparison, support precise face recognition and analytics based on deep learning algorithm</li> <li>• Support up to 4-ch 8 MP IP cameras for face capture, face recognition and comparison.</li> <li>• Support 16 libraries with up to 100,000 pictures in total.</li> <li>• Support face pictures comparison alarm; alarm linkage actions: recording, audio warning, notify surveillance center, send Email"</li> <li>• System Reliability: embedded hardware and software, dual-OS</li> <li>• Incoming/outgoing bandwidth: 256 Mbps/200 Mbps</li> <li>• Supported Protocol: ACTi, ARECONT, AXIS, BOSCH, BRICKCOM, CANON, HUNT, ONVIF (Version 2.5), PANASONIC, PELCO, HIKVISION, PSIA, RTSP, SAMSUNG, SONY, VIVOTEK, ZAVIO</li> <li>• 2 x VGA and 2 x HDMI of up to 4K resolution.</li> <li>• Decoding format: H.265, H.264, H.264+, MPEG4, MJPEG</li> <li>• Recording Resolution: 8 MP/7 MP/6 MP/5 MP/4 MP/3 MP/1080p/UXGA/720p/VGA/4CIF/DCIF/2CIF/CIF/QCIF</li> <li>• Live view/Playback resolution: 8 MP/7 MP/6 MP/5 MP/4 MP/3 MP/1080p/UXGA/720p/VGA/4CIF/DCIF/2CIF/CIF/QCIF</li> </ul>				

NO	SPECIFICATION REQUIREMENT	COMPLIANCE			MANDATORY EXPLANATION/RESPOND (No blanks allowed and do not write "Comply" as answer. Please include supporting documents to substantiate claims of compliance)
		FULL (Y)	PARTIAL (P)	NON (N)	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Output Resolution : 4K (4096 × 2160), 4K (3840 × 2160)/30Hz, 2K (2560 × 1440)/60Hz, 1080p (1920 × 1080)/60Hz, UXGA (1600 × 1200)/60Hz, SXGA (1280 × 1024)/60Hz, 720p (1280 × 720)/60Hz, XGA (1024 × 768)/60Hz</li> <li>• Available Drive Bays : Built-in 1TB SSD</li> <li>• Recording Performance : Continuous record, record by schedule, manual record, event</li> <li>• Recording Type : trigger record, digital input trigger record</li> <li>• Video content analysis search: face detection, behavior analysis, people counting , license plate recognition and heat map</li> <li>• Support Smart search for the selected area in the video; and smart playback to improve the playback efficiency</li> <li>• Audio &amp; Video Recording : Audio &amp; video recording in synchronization</li> <li>• Network interface: 2, RJ45 10M/100M/1000M self-adaptive Ethernet interface</li> <li>• Protocol: IPv6, HTTPS, UPnP, SNMP, NTP, SADP, SMTP, NFS, iSCSI, PPPoE, DDNS</li> <li>• Two-way audio input: 1-ch, RCA</li> <li>• Serial port: 1RS-232, RS-485</li> <li>• USB interface: 1 × USB 2.0; 1 × USB 3.0</li> <li>• Alarm input/output:16/4</li> <li>• Supports redundant power supply</li> <li>• Support ANR</li> <li>• Auto Backup : Automatically backup the recorded video of the previous date to FTP</li> </ul>				

NO	SPECIFICATION REQUIREMENT	COMPLIANCE			MANDATORY EXPLANATION/RESPOND (No blanks allowed and do not write "Comply" as answer. Please include supporting documents to substantiate claims of compliance)
		FULL (Y)	PARTIAL (P)	NON (N)	
